

25 SEP 2003

Taman

KUALA LUMPUR DALAM TAMAN MENJELANG 2005

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Menjelang tahun 2005, Kuala Lumpur akan menjadi bandar dalam taman dengan pelancaran Pesta Landskap dan Taman Antarabangsa Malaysia (LAMAN 2004) cetusan idea Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

LAMAN 2004, dari 17 hingga 24 Julai 2004 di 10 lokasi sekitar Tasik Perdana, di sini, dilancarkan oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Peter Chin Fah Kui di sini hari ini.

"Pesta ini bertujuan menyediakan ruang perniagaan, di mana pengimport akan bertemu dengan pengeksport. Industri ini melibatkan pulangan yang besar, malahan pesta ini dapat menjadikan Malaysia pusat landskap antarabangsa," katanya.

Pesta yang bertema `Warna-warni Dalam Kehijauan' itu akan melibatkan pengusaha landskap tempatan dan antarabangsa. Malahan pesta itu nanti setanding dengan Chelsea Flower Show, England yang menghasilkan keuntungan berbilion dollar.

"Kita juga mahu agar negara jiran seperti Indonesia, Singapura dan Thailand turut mengambil kesempatan terlibat dalam pesta itu nanti," kata Chin.

Beliau berkata kerajaan memperuntukkan kira-kira RM5 juta untuk menjayakan pesta itu dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjadi tuan rumah. Tapak pesta itu termasuk dekorasinya akan terus dikekalkan selepas pesta itu berakhir.

Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Datuk Ismail Ngah yang turut hadir pada majlis itu, berkata jabatan berkenaan mempunyai perancangan jangka panjang untuk menjadikan Malaysia sebagai negara dalam taman.

"Kita ada program khas menghias negara dengan bunga-bunga yang pelbagai warna dan ini melibatkan penyertaan komuniti secara langsung. Malahan setiap jabatan negeri mempunyai pelan induk landskap dalam merangka landskap kawasan masing-masing untuk tujuan itu," katanya.

Pemaju perumahan, kata beliau, harus mempunyai cadangan landskap yang menarik untuk dinilai oleh pihak berkuasa tempatan sebelum membina taman perumahan. 10 peratus daripada kawasan pembinaan perumahan harus menjadi kawasan lapang yang hijau.

"Banyak kawasan perumahan, industri, perniagaan dan bangunan awam yang dimestikan mempunyai cadangan landskap yang menarik sebelum diluluskan. Konsepnya adalah konsep tropika, sesuai dengan iklim negara," kata Ismail.

-- BERNAMA

AY AHH RON